

Lembaran Pendedahan Produk

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Allianz Shield Plus. Pastikan Anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Disediakan untuk _____ Tarikh Cetakan: _____

Penyedia Khidmat Kewangan	: Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk	: Allianz Shield Plus

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan dua puluh empat (24) jam seluruh dunia sekiranya berlaku kecederaan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan yang menyebabkan kematian dan ketidakupayaan kepada orang yang diinsuranskan, ataupun orang yang diinsuranskan terpaksa menanggung kos perubatan dan perbelanjaan lain.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

(a) Manfaat Kemalangan Diri

- Kematian akibat Kemalangan
- Hilang Upaya Kekal
- Perbelanjaan Perubatan
- Perubatan Alternatif
- Pemindahan Darah
- Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik
- Pendapatan Hospital
- Impotensi atau Infertiliti Kekal
- Keguguran akibat Kemalangan
- Perlindungan Ehsan
- Ragut atau Percubaan Meragut
- Tanggung Rugi Berganda (semasa perjalanan dalam perkhidmatan pengangkutan awam atau semasa perjalanan di luar negara)

(b) Manfaat Pilihan

- Manfaat Mingguan
- Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor
- Program Bantuan Perubatan dan Pemindahan Domestik Dan Antarabangsa 24 Jam (IMA)
- Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan
 - Perlindungan Peranti Pintar
 - Perlindungan Belian Atas Talian
 - Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup
 - Perbelanjaan Rehabilitasi
- Gangguan Pembelajaran

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada Polisi untuk senarai penuh ciri dan manfaat di bawah Polisi ini. Anda juga boleh merujuk kepada risalah Allianz Shield Plus untuk ringkasan manfaat-manfaat.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar adalah bergantung kepada pelan pilihan, umur dan keperluan pengunderitan: Premium tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10 juga perlu di bayar atas kontrak insurans.

(a) Umur 50 tahun dan ke bawah

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
	(RM)									
Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan										
Kategori A	145	219	292	376	502	859	1,153	1,510	2,054	2,992
Kategori B	200	305	420	578	840	Tiada				
Pekerjaan Khusus	400	610	Tiada							
Premium Tahunan tanpa Manfaat Mingguan										
Kategori A	103	177	229	303	418	670	943	1,248	1,816	2,674
Kategori B	168	273	389	525	788	Tiada				
Pekerjaan Khusus	336	546	Tiada							

(b) Umur 51 tahun hingga 80 tahun

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
	(RM)									
Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan										
Kategori A	174	263	350	451	602	1,031	1,383	1,812	2,465	3,590
Kategori B	240	366	504	693	1,008	Tiada				
Pekerjaan Khusus	600	915	Tiada							
Premium Tahunan tanpa Manfaat Mingguan										
Kategori A	123	212	275	363	501	804	1,131	1,497	2,179	3,209
Kategori B	201	327	467	630	945	Tiada				
Pekerjaan Khusus	503	818	Tiada							

Manfaat Pilihan - Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
	(RM)									
Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan										
Kategori A	18	36	54	72	108	180	270	360	Tiada	
Kategori B	18	36	54	72	108	Tiada				
Pekerjaan Khusus	18	36	Tiada							

Manfaat Pilihan - Bantuan Perubatan dan Pemandangan Domestik Dan Antarabangsa

Pekerjaan	(RM)
Kategori A, B dan Pekerja Khusus	15

Manfaat Pilihan – Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan

Umur	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
	(RM)				
16 - 65 tahun	47	70	94	118	141

Manfaat Pilihan – Gangguan Pembelajaran

Umur	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
	(RM)				
16 - 65 tahun	16	32	48	64	80

Penjimatan untuk Premium Tahunan – Diskaun Keluarga

Anak/anak-anak yang Anda tanggung hendaklah diinsuranskan di bawah Polisi yang sama untuk layak mendapat diskaun keluarga seperti yang berikut.

Orang Yang Diinsuranskan	Diskaun Premium
Pemegang Polisi	Anak/anak-anak yang anda tanggung akan menikmati diskaun untuk premium sebanyak 30%
Pemegang Polisi dan Pasangan	Anak/anak-anak yang anda tanggung akan menikmati diskaun untuk premium sebanyak 50%

Nota: 1. Anak/anak-anak merujuk kepada anak/anak-anak pemegang polisi yang belum berkahwin berumur lebih daripada tiga puluh (30) hari tetapi bawah lapan belas (18) tahun atau bawah dua puluh empat (24) tahun sekiranya anak/anak-anak merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan masih belum mendapat pekerjaan.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan penzahiran

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan penzahiran ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

(b) Pekerjaan – Terdapat pekerjaan-pekerjaan yang tidak dilindungi oleh Polisi Allianz Shield Plus ini. Sila rujuk kepada senarai bagi pekerjaan-pekerjaan yang dikecualikan di dalam brosur.

(c) Pembayaran Premium

(i) **Tunai Sebelum Perlindungan: Di mana Polisi ini dikeluarkan kepada Pemegang Polisi Individu** – Premium mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Polisi ini akan terbatal secara automatik dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.

(ii) **Waranti Premium: Di mana Polisi ini dikeluarkan kepada Badan Korporat** – Premium mestilah dibayar dan diterima oleh Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi. Perlindungan orang yang diinsuranskan yang premiumnya belum dibayar atau diterima akan dibatalkan secara automatik jika syarat ini tidak dipatuhi dan Kami berhak mendapat premium pro-rata untuk tempoh Kami menyediakan perlindungan untuk orang yang diinsuranskan.

(d) Kelayakan

(i) Polisi ini melindungi individu yang merupakan:

- Warganegara Malaysia;
- Pemastautin tetap Malaysia;
- Pemegang permit kerja;
- Pemegang pas pelajar;
- Individu yang bekerja atau menetap secara sah di Malaysia;

berumur dari tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun dan tanggungan mereka yang menetap secara sah di Malaysia adalah layak dilindungi di bawah Polisi ini.

(ii) Perlindungan orang yang diinsuranskan boleh diperbaharui sehingga umur lapan puluh (80) tahun. Di mana orang yang diinsuranskan memilih untuk mendapatkan Manfaat Pilihan 3 (Gaya Hidup dan Kehidupan) dan Manfaat Pilihan 4 (Gangguan Pembelajaran), manfaat ini boleh diperbaharui sehingga umur enam puluh lima (65) tahun hanya untuk orang yang diinsuranskan dan sehingga umur dua puluh empat (24) tahun untuk anak tanggungan orang yang diinsuranskan.

(iii) Sekiranya Polisi ini dibeli oleh badan korporat:

- o Perlindungan insurans hanya terpakai untuk pekerja Anda sahaja: dan
- o Umur minima pekerja yang dilindungi hendaklah berumur enam belas (16) tahun.

(iv) "Tanggung" bermaksud satu (1) pasangan orang yang diinsuranskan yang sah dari segi undang-undang yang berumur sehingga enam puluh lima (65) tahun dan anak-anak orang yang diinsuranskan yang belum berkahwin berumur tiga puluh (30) hari dan di bawah lapan belas (18) tahun atau di bawah dua puluh empat (24) tahun sekiranya anak-anak tersebut merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan masih belum mendapat pekerjaan.

(e) **Anda boleh membuat pilihan untuk Pembaharuan Automatik (untuk Polisi individu sahaja)** – Sekiranya Polisi Anda dikeluarkan sebagai polisi individu, Anda boleh membuat pilihan untuk pembaharuan automatik. Jika Anda memilih pembaharuan automatik, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi dan bayaran premium yang perlu dibayar, Polisi ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun Polisi apabila tamat tempoh melainkan Polisi ini ditamatkan menurut Syarat Am 12 (Penamatan Insurans) Polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi tidak melindungi kematian atau kecederaan atau hilang upaya kekal atau kerugian lain yang dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau yang berhubung dengan mana-mana yang berikut kecuali jika dinyatakan sebaliknya :

- (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau merebut kuasa, pemberontakan oleh tentera atau pihak awam, mogok, rusuhan atau kekecohan awam;
- (b) Tidak siaman, perbuatan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk melakukannya, atau kecederaan diri yang disengajakan;
- (c) Kuantiti alkohol atau dadah yang melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;
- (d) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV). Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan secara spesifik di bawah Manfaat D (Perbelanjaan Perubatan) dan F (Pemindahan Darah) boleh dilindungi di bawah keadaan tertentu seperti yang tertera di dalam manfaat-manfaat tersebut;
- (e) Kelahiran, keguguran atau sebarang komplikasi yang timbul daripada kehamilan, kecuali semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh kemalangan;
- (f) Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- (g) Ketika dalam perjalanan di dalam kapal terbang yang dilisenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai seorang ahli kakitangan penerbangan, melainkan Polisi ini dikeluarkan kepada pemegang polisi secara individu, dan bukan secara polisi berkelompok;
- (h) Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang;
- (i) Ketika menyertai sebarang sukan profesional, melainkan Polisi ini dikeluarkan kepada pemegang polisi secara individu, dan bukan secara polisi berkelompok;
- (j) Seni pertahanan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan peluncuran gantung, aktiviti-aktiviti di dalam air yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, aktiviti mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau alat panduan mekanik;
- (k) Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), pace-making, ujian mengukur kelajuan atau ketahanan;
- (l) Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, bahan senjata-senjata nuklear; dan
- (m) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai bagi orang yang diinsuranskan yang mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu dibawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana yang undang-undang berkaitan).

7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini?

(a) Penamatan oleh Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan

- (i) Di mana Polisi dikeluarkan kepada Pemegang Polisi individu
Jika Anda pemegang polisi individu, dan Anda memberi notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini atau perlindungan Anda, penamatan tersebut akan berkuat kuasa bermula pada tarikh notis diterima oleh Kami dari Anda atau tarikh spesifik yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana-mana yang kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insurans yang sah pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan kepada Anda.

- (ii) Di mana Polisi dikeluarkan kepada badan korporat untuk tujuan perlindungan pekerjaannya
Jika Anda badan korporat yang membeli Polisi ini untuk memberikan perlindungan insurans bagi pekerja-pekerja, dan Anda memberi notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini atau perlindungan orang yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa bermula pada tarikh notis diterima oleh Kami daripada Anda atau tarikh spesifik yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana-mana yang kemudian.

Sekiranya Polisi ini ditamatkan, semua perlindungan individu orang yang diinsuranskan juga tidak lagi berkuat kuasa pada tarikh penamatan Polisi ini. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini atau perlindungan individu orang yang diinsuranskan, mana-mana yang berkaitan kadar jangka pendek akan dipakai,

dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insurans yang sah pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan sewajarnya kepada Anda.

- (iii) Di mana Polisi dikeluarkan untuk melindungi lebih daripada seorang orang yang diinsuranskan (bukan pekerja) Di mana Polisi ini dikeluarkan kepada Anda sebagai polisi berkelompok untuk melindungi lebih daripada seorang orang yang diinsuranskan (yang mana bukan pekerja pemegang polisi), jika Anda memberi notis kepada Kami untuk menamatkan Polisi, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis, yang mana kemudian. Walaupun Polisi ini tamat, perlindungan individu orang yang diinsuranskan yang masih berkuat kuasa pada tarikh tamat Polisi akan terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh insurans seperti yang dinyatakan dalam sijil insurans dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

Sekiranya orang yang diinsuranskan dilindungi di bawah polisi berkelompok, memberi notis kepada Kami untuk menamatkan perlindungan individu mereka di bawah Polisi ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa bermula pada tarikh notis diterima oleh Kami daripada orang yang diinsuranskan atau pada tarikh spesifik yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana-mana yang kemudian. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan perlindungan individu orang yang diinsuranskan, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat semasa tempoh insurans yang sah pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan sewajarnya kepada orang yang diinsuranskan.

Kadar Jangka Pendek:

Tempoh Diinsuranskan (Tidak Melebihi)	Peratusan (%) Premium Tahunan Yang Dikenakan
Dua (2) bulan (minimum)	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Melebihi enam (6) bulan	100%

(b) Penamatan oleh Allianz

Sekiranya Kami menamatkan Polisi atau perlindungan Anda di bawah Polisi, mana-mana yang mungkin, menurut Syarat 3 (Salah Nyataan atau Peninggalan Fakta Penting) di bawah Polisi atau dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, Allianz akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda di Malaysia. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini atau perlindungan individu orang yang diinsuranskan di bawah Polisi ini, mana-mana yang berkaitan, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada Anda sebagai pemegang polisi ataupun kepada orang yang diinsuranskan (di mana Polisi dikeluarkan untuk melindungi lebih daripada seorang orang yang diinsuranskan yang bukan pekerja pemegang polisi) dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insurans yang sah pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(c) Penamatan secara automatik:

Polisi ini akan luput/tamat secara automatik apabila berlakunya mana-mana perkara yang berikut:

- (i) Pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir tempoh insurans walaupun orang yang diinsuranskan mencapai umur lapan puluh (80) tahun, atau sembilan belas (19) tahun atau dua puluh lima (25) tahun apabila orang yang diinsuranskan ialah tanggungan, mana-mana berkaitan, bila-bila masa dalam tempoh insurans; atau
- (ii) Kematian pemegang polisi yang merupakan individu; atau
- (iii) Jika apa-apa premium Polisi masih belum dibayar semasa atau sebelum pembaharuan automatik (jika terpakai) untuk Polisi ini; atau
- (iv) Jika apa-apa premium Polisi ini masih belum dibayar selepas enam puluh (60) hari dari tarikh bermula tempoh insurans, mengikut Seksyen 9 (b) (Bayaran Premium) di bawah Polisi.

Sekiranya orang yang diinsuranskan yang bukan pemegang polisi dalam rekod Kami mengalami kematian bila-bila masa dalam tempoh insurans, perlindungan orang yang diinsuranskan akan terhenti selepas kematiannya. Walaupun begitu, Polisi akan diteruskan dan perlindungan orang yang diinsuranskan yang selebihnya, jika ada, akan terus berkuat kuasa.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu kepada ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan Kami.

9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?

Anda boleh melawati allianz.com.my untuk mengetahui cara-cara untuk membuat tuntutan. Anda dinasihatkan untuk menghantar sebarang tuntutan (sekiranya ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk laman web kami di allianz.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

Emel: customer.service@allianz.com.my



AllianzMalaysia



[allianz.com.my](https://www.instagram.com/allianzmalaysia)



allianz.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

(a) Allianz Lifestyle Protect

Nota Penting:

Anda dinasihatkan untuk memberi perhatian mengenai skala pampasan untuk kematian dan hilang upaya dalam polisi insurans anda. Di mana polisi dikeluarkan sebagai polisi individu, anda digalakkan menamakan penama dan pastikan penama anda tahu tentang polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda perlu membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen atau hubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/03/2024.